



SIARAN MEDIA

LAWATAN KERJA YB TIMBALAN MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN II KE PROJEK TANAMAN TEMBIKAI

Tarikh : 10 Mei 2021 (Isnin)

Tempat : Mukim Gelang Mas, Dun Tendong, Kelantan

10 Mei 2021, Pasir Mas – Lawatan kerja Yang Berhormat Dato' Che Abdullah bin Mat Nawawi, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II ke Projek Tanaman Tembikai Kg. Gelang Mas, Pasir Mas, Kelantan pada hari ini merupakan kesinambungan daripada program “*Contract Grower*” pengeluaran tanaman buah tembikai untuk tujuan eksport di antara Jabatan Pertanian dan Beho Supply Sdn. Bhd. pada tahun lepas.

Program “*Contract Grower*” tembikai ini diwujudkan berikutan daripada pengeluaran tembikai telah melebihi Kadar Sara Diri @ *Self Sufficiency Ratio*, iaitu 161.3% pada tahun 2019. Jabatan Pertanian sentiasa mengambil inisiatif dalam memperkasakan aktiviti pertanian dengan pelbagai cara samada melalui Projek Pembangunan Tanah Terbiar, Projek Pembangunan Buah-buahan Terpilih dan lain-lain projek. Melalui program seperti ini, diharapkan pengusaha akan lebih berjaya dan bersedia untuk berkembang lebih maju dan berdaya saing. Hadir sama pada hari ini, Puan Hajah Norbahani binti Zakaria, Pengarah Jabatan Pertanian Negeri Kelantan.

Dikeluarkan oleh:

Jabatan Pertanian Malaysia

Tel : 03-8870 3102/ 3045/ 3042

E-mel : pro@doa.gov.my